

Laporan CSR 2010



Linking your dreams
LINTEC Corporation

Di Lintec, kami semua berazam untuk terus menyumbang kepada masyarakat. Semangat CSR yang dilahirkan dalam moto syarikat kami “Keikhlasan dan Kreativiti” telah membangkitkan semangat kami, seluruh kumpulan kami berusaha untuk mewujudkan perubahan dan memesatkan pembaharuan.



Sejak korporat ini ditubuhkan dalam tahun 1927, Lintec telah membangun dan memperkenalkan pelbagai jenis produk yang menggunakan sehabis baiknya teknologi proprietarinya yang amat hebat. Kami mempunyai kecekapan teras antara teknologi untuk pembubuhan pelekat hingga ke teknologi untuk perbaikan bahan dan fungsi, teknologi untuk pembuatan kertas-kertas khas dan bahan komposit ke teknologi untuk mensistemkan. Secara kasar, kami mengkategorikan perniagaan kami kepada tiga bidang. Perniagaan kami yang pertama adalah dalam bidang bahan percetakan dan bahan industri, termasuk kertas pelekat dan filem untuk menera dan melabel serta bahan pelekat untuk kegunaan automotif. Perniagaan kami yang kedua adalah dalam bidang eletronik dan optik, termasuk produk yang berkaitan dengan semi-konduktor, filem LCD dan produk lain yang berkaitan dengan optik, serta filem bersalut yang digunakan untuk membuat pelbagai kapasitor seramik yang berlapis-lapis. Perniagaan kami yang ketiga pula adalah dalam bidang pencetakan kertas dan bahan pemerosesan termasuk kertas untuk sampul surat berwarna dan lain-lain kertas khas, kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon dan untuk kulit tiruan. Dengan portfolio yang begitu hebat mengenai produk-produk khusus ini, boleh dikatakan Lintec merupakan ahli aktif di dalam setiap aspek kehidupan moden.

Di Lintec, kami menganggap tanggungjawab sosial sebagai keutamaan pengurusan asas. Kami telah menyatakan kesanggupan untuk memastikan aktiviti-aktiviti korporat nyata dan ketara dan benar-benar dihormati. Kami percaya ini merupakan kunci untuk terus kekal bersama dengan masyarakat. Prinsip yang kukuh ini, yang membimbing semua urusan yang dilakukan oleh Lintec menunjukkan betapa pentingnya berusaha agar diyakini oleh semua pemegang amanah harta. Kami berazam untuk melandaskan budaya korporat pada semangat CSR yang termaktub di dalam moto syarikat kami, “Keikhlasan dan Kreativiti” dan kami menyedari bahawa ini adalah satu-satunya cara untuk mengekalkan syarikat yang amat bernilai kepada semua pemegang amanah harta. Terutamanya, kami telah menyatakan kesanggupan untuk bekerja dengan proaktif demi memperbaiki etika dan pematuhan korporat, keselamatan dan pencegahan bencana, perlindungan alam sekitar, dan kepuasan pelanggan dan pekerja. Pada masa yang sama, kami berhasrat untuk terus memberi sumbangan yang positif terhadap kehidupan manusia dengan mempercanggih teknologi kami yang unik.

Dalam tahun fiskal 2009, kami telah menubuhkan Dasar Asas Lintec terhadap Pemerolehan Bahan Mentah dan mula berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan integrasi global ISO 14001, standard antarabangsa untuk sistem pengurusan alam sekitar. Kedua-duanya adalah amat perlu untuk membina perhubungan kepercayaan dorongan CSR dengan pembekal. Dalam tahun fiskal 2010, kami sedang membuat persediaan untuk perkembangan baru dan maju ke depan dengan hasrat untuk menjamin setiap profesional Lintec mendapat inspirasi dari semangat CSR dan sentiasa berusaha untuk membina dunia yang lebih baik. Tidak mungkin sekali kami berpuas hati dengan keadaan sekarang, kami akan terus berusaha untuk memperoleh kepercayaan yang lebih kukuh daripada pemegang amanah harta.

Sedia maklum, syarikat-syarikat yang baik terus berusaha terhadap inisiatif CSR. Laporan ini meringkaskan hasil pencapaian aktiviti-aktiviti CSR Kumpulan Lintec dalam tahun fiskal 2009. Saya berharap perkara ini dapat menjelaskan pendekatan proaktif Lintec dalam memenuhi tanggungjawab sosial.

Kefahaman dan sokongan pemegang amanah harta terhadap aktiviti-aktiviti perniagaan Kumpulan Lintec adalah penting bagi kami. Kami mengalu-alukan pandangan dan penilaian yang ikhlas daripada anda.

September 2010



Akihiko Ouchi
President and CEO
Lintec Corporation

Keupayaan Lintec membekalkan nilai bergantung kepada merealisasikan pernyataan misi kami (Sila lihat di bawah). Skrip ini menjamin aktiviti-aktiviti korporat mendatangkan manfaat kepada dunia. Selari dengan misi kami, kami berusaha setiap hari demi mencipta pembaharuan-pembaharuan teknikal dan untuk membekalkan produk serta perkhidmatan, yang mana setiap orang dapat bergantung padanya. Kemajuan seperti ini merupakan kunci untuk mewujudkan pelaksanaan perniagaan yang baik, yang memberi manfaat kepada semua pemegang amanah harta, dan menyumbang kepada masyarakat. Kami percaya kejayaan perniagaan bergantung pada mengekalkan integriti untuk semua pemegang amanah harta. Inilah apa yang dimaksudkan dengan menganggap CSR sebagai keutamaan pengurusan asas.

Peranan Pejabat Pengurusan CSR ialah berusaha terus tanpa jemu untuk memastikan setiap orang yang bekerja di Kumpulan Lintec, dari bahagian pengurusan hingga pekerja, menerima sepenuhnya semangat CSR dan bertindak sewajarnya. Dalam tahun fiskal 2009, pejabat kami terlibat sepenuhnya dengan aktiviti-aktiviti enam jawatankuasa CSR. Terus maju ke depan, kami akan berusaha untuk memastikan semangat CSR menyerap ke dalam seluruh kumpulan dengan membantu merancang dan menganjurkan seminar mengenai tajuk-tajuk seperti kawalan maklumat dan pengurusan risiko.



Keita Yoshikawa
Pegarah, Pengurus Besar
Bahagian Hal Ehwal Am &
Pekerja dan Pejabat
Pengurusan CSR

Moto Syarikat

Keikhlasan dan Kreativiti

Pernyataan Misi


Nama syarikat Lintec diperoleh daripada perkataan bahasa Inggeris "linkage" dan "technology", iaitu dua komponen utama dalam falsafah perniagaan kami, yang menekankan betapa pentingnya hubungan rapat, di dalam dan di luar syarikat dan merupakan tonggak program R & D. Dengan menyatukan semuanya untuk menghasilkan penyelesaian yang membawa pembaharuan, kami telah memantapkan reputasi syarikat di Jepun dan di luar negeri sebagai sebuah syarikat yang dinamik dan boleh dipercayai yang menyumbang ke arah kemakmuran pemegang amanah harta kami, kemajuan industri kami dan masa depan yang lebih cerah untuk masyarakat secara keseluruhannya. Dan menguatkan segala aktiviti perniagaan kami dengan memberi penekanan yang tidak goyah terhadap "Keikhlasan dan Kreativiti", nilai-nilai bersama yang termaktub di dalam moto syarikat kami.

Demi esok kita bina hari ini


Pendekatan-pendekatan CSR yang asas

- **Pelaksanaan etika dan pematuhan korporat dijalankan dengan teliti**
Kami akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pencegahan salah laku dengan mempertingkatkan latihan-latihan untuk pekerja dan mengukuhkan perlembagaan korporat dengan memberi penegasan terhadap disiplin diri yang ketat sebagai sebuah syarikat dan sebagai seorang individu.
- **Peningkatan kepuasan pelanggan**
Kami akan berikhtiar bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kos produk, mutu, keselamatan serta perkhidmatan dan untuk mengeluarkan produk dari sudut pandangan pelanggan.
- **Kegiatan perusahaan yang mesra alam sekitar**
Kami akan melaksanakan daya usaha mesra alam sekitar seperti menjamin penggunaan tenaga dan sumber-sumber lain yang berkesan dalam aktiviti perniagaan kami dan berusaha mencapai pertumbuhan yang kekal.
- **Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan**
Kami akan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan tenteram serta dapat menjamin kesihatan, corak hidup yang memuaskan untuk para pekerja dan keluarga mereka.
- **Sumbangan-sumbangan sosial**
Kami akan menyumbang kepada masyarakat tempatan bukan sahaja menerusi bantuan ekonomi tetapi pelbagai daya usaha yang lain.
- **Pengurusan yang berorientasikan pemegang saham dan pelabur**
Kami akan berusaha untuk mempertingkatkan jenama korporat melalui pendedahan aktiviti dan daya usaha demi mempertingkatkan keketaraan kewujudan syarikat.

Sistem Promosi CSR



Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2009
Menganggap etika dan pematuhan korporat sebagai tema-tema pengurusan yang utama dan memastikan setiap pekerja sedar betapa pentingnya perkara tersebut dan mempraktikkannya setiap hari.	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pekerja bertingkah laku sebagai warga korporat yang baik dan mempunyai kesedaran diri • Berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat yang boleh dipercayai oleh masyarakat dengan memastikan pematuhan yang teliti 	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan etika menerusi rangka kerja penyertaan yang interaktif • Hendaklah dipatuh dan disemak ubah peraturan pengurusan (kawalan maklumat, maklumat peribadi, rahsia perniagaan, dll) • Menjalankan aktiviti berdasarkan cadangan pekerja

Aktiviti-aktiviti Utama dalam Tahun Fiskal 2009	Komen daripada pegawai yang bertanggungjawab
<ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan percetakan ruangan berita etika <i>Rinri Kawaraban</i> • Menyediakan latihan mengenai kawalan maklumat • Menyediakan pembelajaran elektronik mengenai perdagangan orang dalam dan undang-undang antimonopoli 	<p>Kenji Kobayashi Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan etika syarikat (Pegarah pengurusan, Pengurus Besar Bahagian Penyelidikan & Pembangunan)</p> <p>Prestasi etika yang diperlukan oleh syarikat — khususnya, berkenaan dengan disiplin diri — bergantung pada tindakan pekerja perseorangan. Inilah sebabnya mengapa kami lebih memberi penekanan terhadap pencegahan, sentiasa bekerja untuk meningkatkan kesedaran dan mengambil tindakan proaktif demi mempertingkatkan etika daripada hanya bertindak ke atas masalah selepas ianya berlaku.</p> 

Garis Panduan Pematuhan Kumpulan Lintec

Pematuhan adalah asas aktiviti-aktiviti korporat. Kumpulan Lintec patuh pada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan Kumpulan Lintec juga mematuhi kelaziman sosial dalam mengendalikan aktiviti korporat di dalam dan di luar Jepun.

Sebagai pegawai dan pekerja Kumpulan Lintec:

1. Kami akan sentiasa membekalkan produk dan perkhidmatan yang dapat menyumbang kepada masyarakat.
2. Kami akan mengendalikan urus niaga yang adil dan ketara dengan semua pembekal berdasarkan prinsip persaingan bebas.
3. Dalam semua aktiviti korporat kami akan patuh pada undang-undang dan peraturan-peraturan di dalam dan di luar Jepun dan mengendali diri dengan disiplin dan standard etika yang tinggi.
4. Kami akan menghargai hubungan kami dengan semua orang yang terlibat dalam aktiviti korporat termasuk pemegang saham, para pelabur, pembekal, masyarakat tempatan dan para pekerja.
5. Meletakkan masalah persekitaran sejagat sebagai isu pengurusan yang utama, kami akan berusaha secara agresif untuk mengawal dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

6. Kami akan mengendalikan aktiviti-aktiviti sumbangan sosial dengan ghairah sebagai warga korporat yang baik.
7. Kami akan mengekalkan hubungan yang adil dan ketara dengan kerajaan dan pentadbiran.
8. Kami akan menyekat pasukan antisosial kami.
9. Apabila kami perlu meraikan rakan berniaga dan membuat pertukaran hadiah sebagai sebahagian daripada aktiviti korporat, kami akan menjalankannya dengan sederhana, dalam ruang lingkup norma-norma sosial.
10. Kami akan menguruskan maklumat korporat sewajarnya dan mendedahkannya secara wajar dan tepat pada waktunya.
11. Kami akan menggunakan segala cara yang mungkin dalam pengurusan pemilikan intelektual dan akan menghormati hak pemilikan intelektual orang lain, yang tidak akan kami cabuli.
12. Setiap pegawai dan pekerja harus menghormati hak asasi manusia dan identiti tersendiri, memperlakukan orang dengan adil dan berusaha untuk mengekalkan persekitaran tempat kerja.


Ditubuhkan Januari 2003
 Diperbaharu Jun 2008

Dasar Pemerolehan Lintec

1. Amalan perniagaan yang adil dan ketara
 Kami akan mengekalkan amalan perniagaan yang adil dan ketara dengan semua rakan kongsi, berdasarkan prinsip mekanisme pasaran. Dalam pemilihan rakan kongsi, kami akan membiarkan pilihan kami terbuka dan membuat penilaian mengikut mutu, kos, penghantaran, kestabilan pembekalan, teknologi, perkhidmatan dan usaha terhadap perlindungan alam sekitar.
2. Membina perkongsian
 Kami akan menganggap setiap rakan kongsi sebagai "rakan untuk kemajuan bersama" dan membina hubungan kebolehpercayaan.
3. Berpegang teguh pada undang-undang dan peraturan
 Dalam aktiviti pemerolehan, kami bukan sahaja akan mematuhi undang-undang dan peraturan Jepun dan selanjutnya tetapi kami juga mahukan rakan kongsi kami berbuat sedemikian.
4. Pertimbangan terhadap alam sekitar
 Kami akan mempertingkatkan aktiviti pemerolehan dengan memberi pertimbangan terhadap mengurangkan kesan ke atas alam sekitar, berdasarkan Dasar Pemerolehan Hijau Lintec dan kami mengharapkan rakan kongsi kami melakukan sedemikian juga dalam mempertingkatkan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dengan aktif dan menguruskan bahan kimia dengan ketat.
5. Meneruskan CSR dengan teliti
 Kami akan mengekalkan CSR yang bertaraf tinggi dan meneruskannya dengan teliti dalam aktiviti pemerolehan kami dengan rakan kongsi, dalam bidang seperti hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan pekerja, jaminan mutu dan keselamatan, kawalan maklumat dan etika korporat.

Ditubuhkan 10hb Ogos 2009

Kepuasan Pelanggan

Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2009
Menyediakan bekalan produk yang stabil dan mempertingkatkan pengurusan mutu dan perkhidmatan berdasarkan konsep utama terhadap memberi jaminan kepada pelanggan mengenai kebolehpercayaan dan tanggungjawab yang memuaskan.	Menubuhkan dan melaksanakan sebuah rancangan tindakan yang tertentu berasaskan Dasar Mutu Lintec dan Garis Panduan Tindakan	Merumuskan dan melaksanakan rancangan tindakan yang tertentu berasaskan Garis Panduan Tindakan
Aktiviti-aktiviti Utama dalam Tahun Fiskal 2009	Komen daripada pegawai yang bertanggungjawab	
<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti isu-isu penting berdasarkan lapan perkara Garis Panduan Tindakan dan membentangkan tindakan tertentu terhadap tujuh perkara 	<p>Makoto Iiumi Pegawai yang bertanggungjawab meningkatkan kepuasan pelanggan (Pegarah Urusan, Penolong Pengurus Besar Bahagian Pentadbiran Perniagaan dan Pengurus Besar Bahagian Perusahaan Bahan Lanjut dalam Pentadbiran Perniagaan)</p> <p>Kami mempertingkatkan aliran kerja dalaman, mengeratkan kerjasama dengan pembekal, dan membentangkan tindakan tertentu selari dengan garis panduan tindakan lapan Dasar Mutu Lintec, termasuk pembangunan sumber manusia dan kajian semula reka bentuk. Dalam semua usaha ini, matlamat kami adalah untuk melibatkan setiap pekerja Lintec berusaha sedaya upaya dalam kumpulan untuk menyampaikan produk yang mengembirakan semua pemegang amanah harta kami.</p>	

Jaminan Mutu

Dalam bulan April 2009, Lintec telah meminda Dasar Mutu Lintec untuk kembali ke asas mutu ketukangan dan sentiasa mempertingkatkan perkembangan, pembuatan dan jualan. Berdasarkan pada Garis Panduan Tindakan dalam Dasar Mutu, setiap bahagian membuat pelbagai perbaikan dengan matlamat menghapuskan kecacatan mutu dan mempertingkatkan keseluruhan mutu produk dan perkhidmatan.

Dalam tahun fiskal 2009, syarikat telah melaksanakan aktiviti perbaikan yang mempengaruhi asas pembuatan—khususnya, mutu, pertimbangan terhadap alam sekitar dan keselamatan. Di antaranya, syarikat telah menguatkan pengurusan standard kawalan alam sekitar untuk bahan mentah, mengenal pasti faktor dalam proses pengilangan yang boleh menyebabkan kecacatan mutu produk dan menjalankan langkah-langkah di peringkat reka bentuk untuk mencegah kecacatan seumpama itu.

Bergerak maju ke hadapan, Lintec akan terus berusaha untuk meningkatkan kepuasan pelanggan menerusi usaha bersatu seluruh syarikat untuk mempertingkatkan mutu produk dan perkhidmatan. Moto syarikat kami untuk usaha ini, "Marilah kita menghasilkan produk yang mengembirakan setiap orang" dan dengan "setiap orang" Lintec bermaksud bukan sahaja pelanggan tetapi semua pemegang amanah harta yang lain.

Sistem Jaminan Mutu

Lintec telah memperoleh pengesahan ISO 9001 untuk lapan buah kilang di Jepun, Tokyo Lintec Kako, Inc. dan sembilan buah kumpulan syarikat di luar negeri. Syarikat ini terus mengusahakan pengurusan mutu produk dan perbaikan mutunya.

Jaminan mutu bermula dengan menempatkan diri sendiri di tempat pelanggan semasa memikirkan dan menjalankan pembuatan. Lintec meneruskan lima daya usaha untuk mempertingkatkan sistem pengurusan mutunya supaya pembuatan lebih dekat mencerminkan sudut pandangan pelanggan.

Lima peningkatan daya usaha

1. Melaksanakan kajian semula reka bentuk dengan teliti dan mengamalkan pembuatan produk yang memuaskan keperluan pelanggan.
2. Mengamalkan pengurusan barang pemerolehan, yang merupakan bahan mentah ketukangan.
3. Memajukan lagi kawalan proses statistik.
4. Meneruskan usaha membangunkan sumber-sumber manusia yang memahami asas mutu ketukangan.
5. Menguatkan lagi kawalan terhadap bahan-bahan kimia yang memudartakan alam sekitar.

Dasar Mutu Lintec

Dasar Asas

Semua pekerja dalam Kumpulan Lintec sangat berdedikasi pada moto syarikat, "Keikhlasan dan Kreativiti" dan terhadap falsafah pengurusan dan mengamalkan aktiviti korporat yang adil dan membawa pembaharuan, yang memenuhi tanggungjawab kita terhadap masyarakat. "Dasar Mutu" dan "Garis Panduan Tindakan" yang berikut ditubuhkan untuk memastikan pelaksanaan pratikal aktiviti-aktiviti ini.

Dasar Mutu

Bermula dari "pembuatan" berdasarkan "mutu", "pertimbangan terhadap alam sekitar" dan "keselamatan", kami berusaha untuk memajukan, membuat dan menjual produk-produk melalui aktiviti perniagaan yang dapat memperoleh dan mengekalkan kebolehpercayaan semua pemegang amanah harta.

Garis panduan Tindakan


1. Menyumbang kepada persekitaran kehidupan peribadi dan alam sekitar sedunia sementara mematuhi undang-undang dan peraturan domestik dan antarabangsa.
2. Memelihara "sumber-sumber manusia" dan "budaya korporat" yang bertindak dalam harmoni dengan budaya dan rantau yang berbeza dan menyumbang kepada dunia dengan memberikan mutu yang setinggi mungkin.

3. Cepat dan tepat memahami keperluan pelanggan dengan semangat ketukangan dan berkongsi maklumat bila-bila diperlukan.
4. Sentiasa mengendalikan analisa terhadap keadaan semasa dengan semangat ketukangan dan terus meneruskan melakukan aktiviti-aktiviti perbaikan yang teliti.
5. Demi untuk kekal menawarkan produk yang lebih baik dengan harga yang berpatutan, mempertingkatkan daya usaha dan perbaikan dalam perkhidmatan dan kawalan kegiatan harian.
6. Menjalankan kajian semula reka bentuk dengan teliti dan membina mutu dalam produk bermula dari peringkat membangun.
7. Menggunakan cara statistik untuk semua kawalan kegiatan, termasuk pengeluaran dan kawalan mutu, untuk memperbaiki sistem penilaian data dan pengurusan.
8. Menubuhkan sistem pendidikan di dalam syarikat yang dapat merangsang keupayaan pekerja menyatakan keasliannya dalam ketukangan.

Diterbitkan 10hb Ogos 1998
 Disemak 1hb April 2009

Perlindungan Alam Sekitar

Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2009
Sebagai pembuat bahan, mengendalikan aktiviti seluruh syarikat dalam pengeluaran, R&D dan juga dalam bidang lain berdasarkan prinsip mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.	· Memajukan produk-produk yang mesra alam sekitar	· Mempertingkatkan jualan produk-produk mesra alam sekitar
	· Mengurangkan dan menghapuskan bahan yang meninggalkan kesan negatif terhadap alam sekitar	· Jumlah toluene yang dikeluarkan ke udara: 1 200 ton setahun, jumlah sebenar 1 240 ton setahun · Mematuhi dengan tepat peraturan bahan kimia · Nisbah produk pelekat berkaitan dengan percetakan yang bebas pelarut (dasar kuantiti jualan): 71%, dasar kuantiti jualan sebenar: 68% · Nisbah kertas pelepas yang bebas pelarut(dasar kuantiti pengeluaran): 54%, dasar kuantiti pengeluaran sebenar: 53%
	· Mengurangkan tenaga (kuasa elektrik dan bahan api) yang digunakan dan pengeluaran CO ₂	· Mematuhi Akta Pemuliharaan Tenaga yang telah disemak · CO ₂ yang dikeluarkan: 206 000 ton CO ₂ setahun, jumlah sebenar 182 000 setahun
	· Mengurangkan kadar buangan penimbusan tanah	· Kadar buangan penimbusan tanah: 0.2%, jumlah sebenar 0.07%

Aktiviti-aktiviti Utama dalam Tahun Fiskal 2009	Komen daripada pegawai yang bertanggungjawab
<ul style="list-style-type: none"> · Garis panduan baru yang lengkap untuk produk mesra alam sekitar · Pembinaan kemudahan penyahbauan yang sudah siap · Mengambil langkah-langkah mematuhi peraturan EU · Melancarkan projek mematuhi Akta Pemuliharaan Tenaga yang telah disemak · Memulakan pembinaan penukaran bahan api 	<p>Yoshiyuki Yamato Pegawai yang bertanggungjawab terhadap Perlindungan Alam Sekitar (Pengarah, Pengurus Besar Bahagian Jaminan Mutu & Perlindungan Alam Sekitar)</p> <p>Berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat di mana masyarakat menaruh kepercayaan dan harapan yang lebih, kami akan terus bersedia dan berusaha untuk mencapai matlamat berangka bagi mengurangkan dan menghapuskan bahan kimia yang memudaratkan alam sekitar, mengurangkan penggunaan tenaga dan CO₂, mengurangkan bahan buangan dan perkara-perkara lain.</p> 

■ Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Usaha-usaha untuk mendapatkan pengiktirafan Integrasi Global ISO 14001

Ibu pejabat Lintec, lapan buah kilang di Jepun, pusat kajian dan Tokyo Lintec Kako, Inc. mengendalikan sistem pengurusan alam sekitar Integrasi Global ISO 14001. Dengan bermatlamat untuk memajukan dunia sejagat, Kumpulan Lintec telah memulakan usaha untuk mendapatkan pengiktirafan integrasi global ISO 14001 termasuk lima kumpulan syarikat di luar Jepun yang telah pun memperoleh pengiktirafan ISO 14001.

Lintec (Suzhou) Tech Corporation yang mula mengusahakannya dalam bulan November 2009, telah muncul sebagai yang pertama diintegrasikan dalam bulan Mei 2010. Lintec (Tianjin) Industry Co., Ltd. dijangkakan akan diintegrasikan dalam tahun fiskal 2010.

Pengauditan Alam Sekitar Dalaman

Di Jepun, Lintec sedang mempertingkatkan pengurusan alam sekitar yang lebih baik dan lebih berkesan dengan menggabungkan dua jenis audit persekitaran dalaman: audit persekitaran seberang di mana tempat-tempat berlainan mengaudit satu sama lain, dan audit persekitaran yang dilakukan oleh setiap kawasan. Syarikat ini juga sedang berusaha untuk memajukan juru audit persekitaran dalaman yang berkemahiran yang boleh terus memajukan proses ini. Dalam tahun fiskal 2009, syarikat telah melatih seramai 28 orang juru audit yang baru.

Audit persekitaran dalaman telah dikendalikan juga di setiap kilang lima kumpulan syarikat di luar Jepun yang telah mendapat pengiktirafan ISO 14001.

Piagam Alam Sekitar Lintec

Falsafah Asas

Perlindungan alam sekitar adalah bahagian falsafah pengurusan yang penting, yang membimbing aktiviti-aktiviti perniagaan Lintec. Kami perlu memperluas ruang lingkup kami dalam usaha menyokong alam sekitar. Kita hanya memiliki satu bumi sahaja.

Dasar Utama

1. Sebagai tambahan terhadap peraturan-peraturan alam sekitar perbandaran dan negara, Lintec juga berusaha menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dengan menubuhkan standard tersendiri yang lebih ketat bila perlu.
2. Setiap insan di Lintec adalah bertanggungjawab menyumbangkan penyelesaian terhadap masalah yang ada hubungan dengan pencemaran dan pemusnahan alam sekitar.
3. Kami akan berusaha keras untuk menyelesaikan masalah sosial menerusi penggabungan dengan syarikat-syarikat dalam perusahaan yang berkaitan.
4. Kami akan mengumpul maklumat dari negara-negara di seluruh dunia, di samping memperkenalkan langkah-langkah yang berkesan di Jepun dan berusaha untuk menggalakkan pengambilannya.
5. Kami akan berusaha mendidik semua pekerja mengenai peranan mereka dalam melindungi alam sekitar dan untuk meningkatkan standard yang digunakan dalam pekerjaan harian dan kehidupan seharian.

Garis Panduan Tindakan

1. Berdasarkan falsafah asas Lintec, dasar utama dan garis-garis panduan pengurusan tahunan, setiap tahun Jawatankuasa Pemeliharaan Alam Sekitar akan merumuskan tema mengenai perlindungan bumi dan menyampaikan tema tersebut kepada semua bahagian di dalam syarikat.
2. Setiap bahagian akan menentukan matlamat, langkah-langkah dan jadual yang lebih tepat.
3. Setiap bahagian akan menggunakan sistem pengurusan alam sekitar dan sentiasa melakukan perbaikan semasa. Pengurusan kemajuan akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan alam sekitar.
4. Bahagian Rancangan Sistem Pengurusan Alam Sekitar akan memberikan ringkasan kemajuan setiap bahagian dan memastikan maklumat tersebut dikongsi bersama secara meluas, dengan mengedarkan terbitan berkala di seluruh syarikat.
5. Pengurusan tertinggi Lintec akan menyediakan kajian semula pengurusan tahunan untuk digunakan demi perbaikan dalam tahun yang berikutnya.

Ditubuhkan 10hb April 1992
Diperbaharu 1hb Julai 2006

Aktiviti-aktiviti alam sekitar 8 buah syarikat kumpulan luar negeri



1 LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Syarikat ini telah memulakan usaha dalam bulan November 2009 ke arah pengiktirafan integrasi global ISO 14001. Syarikat ini telah mengendalikan audit dalaman dan kajian semula pengurusan menurut manual penyepaduan dan dalam bulan Mei 2010 pengesahan dan pendaftarannya telah dipersetujui. Sebagai sebuah kawasan yang bersepadu, syarikat akan terus berusaha untuk mengurangkan lebih banyak lagi bahan buangan dan meningkatkan kesedaran alam sekitar.



Pekerja-pekerja Lintec (Suzhou) Tech Corporation

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Daerah Baru Suzhou, Wilayah Jiangsu, China

Jumlah Pekerja:
201 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan bahan-bahan pekat bagi kertas pencetakan dan kertas acuan untuk kulit tiruan

2 LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Sejak syarikat memperoleh pengiktirafan integrasi global ISO 14001 dalam bulan Mac 2008, syarikat ini telah meneruskan usaha mempertingkatkan kesedaran pekerja terhadap persekitaran, penjimatan tenaga, pengitaran semula, pengasingan bahan buangan dan pengurangan bahan-bahan mentah. Syarikat ini juga mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan dengan pencemaran air, udara dan bunyi dan tidak melebihi mana-mana standard dalam tahun 2009. Dalam bulan Nobemver 2009 syarikat telah menjalankan latihan memadam kebakaran dan latihan pemindahan sebagai persediaan untuk menghadapi kecemasan. Bergerak maju ke depan, syarikat akan meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran pekerja terhadap perlindungan persekitaran, penjimatan tenaga dan pengitaran semula.



Latihan memadam kebakaran dan pemindahan

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Daerah Nankai, Tianjin, China

Jumlah Pekerja:
260 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan mesin pencetak label

3 LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Dalam tahun 2009, syarikat ini melengkapkan dua gas ekzos penyahbau dengan alat yang secara automatik mengawasi VOC dalam gas ekzos dan melaksanakannya dalam bulan Januari 2010. Hasil sukatan tersebut dilaporkan kepada Biro Perlindungan Alam Sekitar setiap bulan. Kedudukan pengurusan dan pembuangan pelepasan bahan buangan dilaporkan kepada Pegawai Eksekutif Yuan, Eksekutif Pentadbiran Perlindungan Alam Sekitar. Bergerak maju ke depan, syarikat sentiasa mengumpul maklumat berkaitan dengan perlindungan alam sekitar dan berusaha mengurangkan bahan buangan dan VOC.



Alat pengawasan VOC Automatik

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Shanhua Township, Tainan County, Taiwan

Jumlah Pekerja:
89 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Salut pekat tekanan sensitif filem-filem fungsian optik

4 LINTEC KOREA, INC.

Menerusi aktiviti ISO 14001, syarikat ini telah berusaha untuk menjimatkan tenaga dan mengurangkan bahan buangan serta pengeluaran gas ekzos. Sebagai contoh, syarikat ini telah berjaya menjimatkan tenaga yang begitu ketara dengan menggunakan semula gas ekzos bebas pelarut dari tempat pengeringan mesin penyalut sebagai udara masuk untuk mesin penyalut. Syarikat ini juga mengasingkan dengan teliti bahan buangan industri dan bahan buangan bukan industri, yang kemudiannya dikitar semula oleh syarikat kitar semula. Sebagai satu langkah pengurusan persekitaran, syarikat menyukat gas ekzos dan bau empat kali setahun dan bunyi pula sekali sebulan. Tambahan lagi, syarikat menjalankan pembersihan bulanan di sekitar kilang dan juga di kawasan yang berdekatan.



Saluran masuk dan saluran keluar untuk asap ekzos yang digunakan semula

Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Cheongwon County, Wilayah Chungcheong Utara Korea

Jumlah Pekerja:
87 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan produk-produk berkaitan dengan elektronik

Aktiviti-aktiviti alam sekitar 8 buah syarikat kumpulan luar negeri

5 LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Syarikat ini terus memastikan jumlah pelepasan bahan buangan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti jimat tenaga, termasuk memadamkan lampu-lampu yang tidak perlu. Syarikat ini mempertimbangkan semula cara-cara pembuangan bahan buangan plastik yang pada mulanya tidak diasingkan, dan sejak bulan Januari 2009, syarikat ini telah mengasingkannya sebagai bahan buangan untuk dibakar seluruhnya dan bahan buangan yang bernilai dijual untuk dikitar semula. Hasil dari usaha ini, sebanyak 60.1 ton atau lebih kurang 15.2% daripada jumlah bahan buangan syarikat telah dikitar semula. Mulai sekarang syarikat akan meneruskan usahanya untuk meningkatkan daya pengeluaran dan hasil di samping mengurangkan bahan buangan dan VOC serta menjimatkan tenaga.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Pyeongtaek, Wilayah Gyeonggi Korea

Jumlah Pekerja:
93 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Salut pelekat tekanan sensitif filem-filem fungsian optik

Untuk pembakaran Untuk dikitar semula (2 tong)

Tong-tong bahan buangan yang baru

6 PT. LINTEC INDONESIA

Syarikat ini menjalankan dua isu semasa Bulan Alam Sekitar 2010, yang dinamakan Kehijauan April. Isu yang pertama adalah penanaman pokok untuk menghijaukan kawasan di sekitar kilang, dan ini merupakan cadangan daripada kesatuan buruh. Pada 12hb April, semua pekerja turut membantu menanam sebanyak 32 batang pokok di kawasan bahagian belakang kilang. Syarikat ini merancang akan terus menanam pokok setiap bulan, dan akan menambah sebanyak 50 batang lagi menjelang bulan Disember 2010. Isu yang kedua pula mengenai pengasingan sampah yang terhasil di luar proses pengilangan iaitu satu aktiviti yang sedang dijalankan. Sekarang ini, syarikat menggunakan semula dan mengitar semula kertas pejabat.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Bogor, Jawa Barat, Indonesia

Jumlah Pekerja:
314 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan bahan pelekat untuk pencetakan

Penanaman pokok

7 LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Syarikat ini telah membuat pakaian perlindungan alam sekitar yang original dan semua pekerja memakai pakaian tersebut pada Hari Alam Sekitar, amalan yang dimulakan oleh syarikat ini pada bulan Jun 2010 dalam usaha untuk membangkitkan kesedaran perlindungan alam sekitar. Idea untuk Hari Alam Sekitar ini, iaitu hari Jumaat yang terakhir setiap bulan, dicadangkan oleh para pekerja yang ingin meningkatkan peluang untuk membangkitkan kesedaran perlindungan alam sekitar. Para pekerja juga memakai pakaian tersebut semasa membersihkan di dalam dan di sekitar kilang.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

Jumlah Pekerja:
79 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan filem-filem bersalut untuk pengilangan bahagian-bahagian elektronik

Para pekerja memakai pakaian perlindungan alam sekitar yang original

8 LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Syarikat ini menjalankan konsep 5S (pengasingan, pengukuhan, pembersihan secara sistematik, penstandardan dan pengekaln) dengan teliti di dalam dan di sekitar kilang. Para pekerja juga secara sukarela membersihkan lorong berjalan kaki dan jalan air di sepanjang jalan dekat kilang. Mereka menggunakan mesin pembersih tekanan tinggi untuk membersihkan konkrit hingga warna asalnya timbul semula. Mereka juga membersihkan retakan di antara jubin.



Gambaran Keseluruhan Syarikat

Lokasi:
Kuching, Sarawak, Malaysia


Jumlah Pekerja:
79 orang (mulai 31hb Disember 2009)

Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan filem-filem bersalut untuk pengilangan bahagian-bahagian elektronik


Pembersihan jalan air dekat kilang

Data Pelaksanaan Alam Sekitar dalam Tahun Fiskal 2009


Jumlah yang dikendalikan dan pengeluaran VOC



Penggunaan Kuasa Elektrik



Bahan api (Minyak Ringan dan Gas Asli) Penggunaan (Penukaran Minyak Mentah)



- Perhatian) 1. VOCs = toluene dan methyl ethyl ketone
 2. Angka-angka yang ditentukan dalam Artikel 4 penguatkuasaan peraturan Akta Pemuliharaan Tenaga, Jepun digunakan untuk nilai kalori setiap bahan api yang digunakan untuk mengira persamaan minyak mentah bahan api yang telah digunakan.
 3. LSFK = Lintec Speciality Films (Korea)
 LSFT = Lintec Speciality Films (Taiwan)

Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan

Koji Koyama

Pegawai yang bertanggungjawab mempertingkatkan Keselamatan, Pencegahan Bencana dan Kesihatan (Pengarah, Pengurus Besar Bahagian Pengeluaran)

Kami telah menubuhkan dasar keselamatan pekerjaan dan dasar kesihatan untuk semua kumpulan syarikat. Kami menghubungkan aktiviti-aktiviti kami dengan setiap pertubuhan untuk memastikan persekitaran tempat bekerja di mana setiap pekerja di Kumpulan Lintec boleh bekerja dalam keadaan selamat dan terjamin.



Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2009
Membina persekitaran tempat bekerja di mana para pekerja dapat bekerja dengan selamat, berdasarkan konsep mempertingkatkan kepuasan pekerja.	· Bersedia untuk tindakan segera terhadap bencana alam semula jadi dan bencana yang berpunca dari manusia	· Mengurangkan kerosakan akibat bencana alam semula jadi
	· Mewujudkan sistem pengurusan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja	· Mengamalkan sistem pengurusan keselamatan pekerjaan dan kesihatan · Memelihara kesihatan mental para pekerja
	· Mewujudkan langkah-langkah untuk mencegah penyakit yang mudah berjangkit	· Menubuhkan amalan tertentu berdasarkan rancangan tindakan melawan influenza yang baru
	· Mewujudkan langkah-langkah menentang waktu bekerja yang panjang	· Memastikan kedudukan semasa dan sebab-sebab waktu bekerja yang panjang

Sumbangan Sosial

Koji Ichihashi

Pegawai yang bertanggungjawab Mempertingkatkan Sumbangan Sumbangan Sosial

(Pengarah Urusan, Penolong Pengurus Besar Bahagian Pentadbiran Perniagaan dan Pengarah Besar Bahagian Pengendalian Bahan & Industri dalam Pentadbiran Perniagaan)

Hingga kini, Lintec telah menjalankan aktiviti-aktiviti sumbangan sosial di tempat-tempat perniagaan di dalam dan di luar Jepun dengan tujuan memastikan hubungan harmoni dengan masyarakat tempatan. Di masa akan datang, kami akan meneruskan aktiviti-aktiviti ini dan kami juga akan merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti baru yang sangat pragmatik.



Komitmen Asas	Tema	Matlamat Tahun Fiskal 2009
Sebagai warga korporat yang baik terhadap masyarakat tempatan di mana kami beroperasi dan juga masyarakat antarabangsa, dapat menyelesaikan cabaran-cabaran sosial dan mengendalikan aktiviti-aktiviti realistik yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang kekal.	· Aktiviti-aktiviti yang realistik · Aktiviti-aktiviti yang kekal · Aktiviti-aktiviti berasaskan masyarakat	· Mengendalikan aktiviti-aktiviti yang wajar, yang dijalankan cara Lintec dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan · Mempertingkatkan kesanggupan para pekerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan menyokong penglibatan mereka

IR Hubungan Pelabur

Hitoshi Asai

Pegawai yang bertanggungjawab mempromosikan IR

(Pengarah Urusan Kanan, Pengurus Besar Pejabat Strategik Korporat dan Bahagian Pentadbiran)



Dalam aktiviti-aktiviti IR adalah penting memberi maklumat yang tepat kepada pemegang-pemegang saham dan para pelabur secara adil dan sesuai pada waktunya. Kami akan terus berusaha untuk membina kesefahaman yang lebih mendalam terhadap syarikat kami dan membina hubungan kepercayaan yang lebih kuat dengan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti kami.



Komitmen Asas	Tema	Matlamat-matlamat Tahun Fiskal 2009
Mengendalikan pengurusan yang menitikberatkan pemegang-pemegang saham dan para pelabur	· Menggalakkan komunikasi dua hala menerusi pendedahan maklumat yang sewajarnya kepada pemegang-pemegang saham dan para pelabur	· Menguatkan aktiviti-aktiviti IR dengan memberi tumpuan terhadap penglibatan para eksekutif atasan. · Menguatkan aktiviti-aktiviti IR untuk pemegang-pemegang saham dan para pelabur institusi di dalam dan di luar negara Jepun serta pelabur-pelabur individu

Profil Korporat (mulai 31hb Mac 2010)

Nama Syarikat	LINTEC Corporation	
Ibu pejabat	23-23, Honcho, Itabashi-ku, Tokyo 173-0001, Japan	
Hompej	http://www.lintec.co.jp/	
Ditubuhkan	Oktober 1934	
Modal	23.2 bilion yen	
Senarai Saham	Bursa Saham Tokyo, Kod Sekuriti seksyen pertama: 7966	
Tahun fiskal	Dari 1hb April hingga 31hb Mac	
Wakil	Akihiko Ouchi, President and CEO	
Jumlah pekerja	Digabungkan: 4 037 orang	Tidak digabungkan: 2 527 orang
Tempat	Pejabat-pejabat jualan: Tokyo, Sapporo, Sendai, Hokuriku (Wilayah Toyama), Shizuoka, Nagoya, Osaka, Hiroshima, Shikoku (Wilayah Ehime), Fukuoka dan Kumamoto Tempat-tempat pengeluaran: Agatsuma (Wilayah Gunma), Kumagaya (Wilayah Saitama), Ina (Wilayah Saitama), Chiba, Tatsuno (Wilayah Hyogo), Shingu (Wilayah Hyogo), Komatsushima (Wilayah Tokushima), Mishima (Wilayah Ehime), Doi (Ehime), and Niihama (Wilayah Ehime) Kemudahan R&D: Pusat Penyelidikan (Wilayah Saitama) Pejabat luar negeri: Shanghai, China	
Subsidiari	Digabungkan:	4 buah syarikat di Jepun, 15 buah syarikat di luar Jepun
	Tidak digabungkan:	5 buah syarikat di Jepun, 8 buah syarikat di luar Jepun
Aktiviti-aktiviti perniagaan	Perkembangan, pembuatan dan penjualan produk pelekat (bahan tera dan label, filem grafik, filem window, pita pembuatan semi-konduktor, filem kegunaan optik dan produk penjagaan kesihatan, dll), kertas khas, (kertas sampul surat berwarna, kertas berwarna, kertas kegunaan tertentu, dll), bahan-bahan memproses (kertas pelepas, filem pelepas, kertas acuan untuk kulit tiruan, kertas acuan untuk bahan komposit gentian karbon, dll) dan alat-alat berkaitan dengan pelekat (mesin pencetak label, mesin pelabel, alat-alat untuk pembuatan semi-konduktor, dll)	
Jualan	Digabungkan:	189.3 bilion yen
	Tidak digabungkan:	162.6 bilion yen (tahun fiskal 2009)
Pendapatan pengendalian	Digabungkan:	11.6 bilion yen
	Tidak digabungkan:	7.0 bilion yen (tahun fiskal 2009)



Untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci berhubung dengan kewangan, sila lihat bahagian Hubungan Pelabur Hompej Lintec di www.lintec.co.jp/english/ir/index.html.